

BAHASA MELAYU

(oleh Musyfa')

Telah terbaca saya di dalam sebuah majalah Melayu dari Singapura baharu-baharu ini bahawa seorang penulisnya di bawah tajuk "Susasteraan" berkata dengan panjang lebar maka setengah daripada perkataan-perkataannya memberitahu adalah sastera itu suatu ilmu yang bukan mudah diperolehi akan tetapi oleh kerana ia amat berguna maka wajiblah dikembangkan dengan seberapa upaya oleh bangsa kita Melayu yang kasihkan bahasa kebangsaannya dengan ditambah dengan perkataan-perkataan baharu atau yang ditempah baharu menurut tuntutan zaman baharu dan nampak kepada penulis itu bahawa pengarang-pengarang surat khabar dan majalah Melayulah bersifat seperti guru-guru kepada pembaca-pembacanya, akan tetapi kebanyakan pembaca-pembaca itu tidak mengerti perkataan-perkataan baharu itu dan tidak hendak turut memakai perkataan-perkataan itu, maka oleh sebab itu wajiblah penempah-penempah perkataan-perkataan atau gaya bahasa baharu itu menggunakan perkataan-perkataan yang lain yang dapat memberi keterangan-keterangan yang tepat dan jelas dengan menggunakan pula perkataan-perkataan yang lama menemani perkataan-perkataan baharu itu, dan disyorkannya pula dua puak orang-orang yang wajib menyempurnakan pekerjaan itu, iaitu pengarang-pengarang surat khabar dan guru-guru sekolah Melayu.

Apa yang dikatakan oleh penulis yang tersebut itu saya sangat bersetuju dan diharapkan kedua-dua puak yang disyorkannya itu dengan ikhlas menunjukkan jasa masing-masing kepada bangsa kita Melayu supaya mudah-mudahan tinggillah kelak mutu bahasa kita dan berguna seperti bahasa-bahasa lain yang masyhur di alam ini sekarang.

Kemudian daripada itu terbaca pula saya suatu rencana yang panjang juga daripada seorang penulis muda yang memperansangkan pengarang-pengarang muda dengan katanya di antara

yang lain-lain "... Akan dapat mengubah pendirian bahasa kita, iaitu dari corak yang lama ke corak yang baharu. Memang inilah cita-cita ahli sastera kita. Kalau tidak diubahkan coraknya berertilah bahasa kita tidak akan hidup dengan bangsanya "dan juga katanya lagi"... supaya tidak tinggal lagi seperti corak lama iaitu bercorak seri lanang dan corak Munsyi Abdullah, hidup bahasa hidup bangsa..."

Menurut sebagaimana maksud makalah penulis muda yang kedua ini bahawa dengan kedatangan buku-buku dari Indonesia itulah maka pengarang-pengarang muda kita : "Mulai berhasrat untuk membaharui bahasanya sebab mereka berpendapat dari buku-buku Indonesia itu tentang aliran bahasanya . "Maka meleret-leretlah leretannya itu, ada yang betul dan ada yang tidak betul.

Saya pun berpendapatan bahawa pengarang-pengarang akhbar dan buku-buku ceritalah pada masa ini bersifat guru-guru bahasa kepada setengah pembaca-pembaca mereka itu, tetapi kebanyakan daripada pembaca itu menurut dengan membuat tuli sahaja apa yang ada di dalam akhbar-akhbar dan buku-buku itu, dengan sangkaan bahawa tiap-tiap yang baharu itu molek dan betul belaka.

Maka bagi pihak saya saya mentelaah dengan ikhlas akan mereka yang bersifat atau yang disifatkan guru-guru itu bercermat mengarang dan menulis di akhbar-akhbar dan buku-buku cerita itu supaya jangan sampai dikata orang "Sebagaimana guru begitulah muridnya". Di sini tidak sekali-sekali saya menyalahkan siapa-siapa pun meniru-niru bahasa Indonesia atau apa bahasa pun dan menyelamatkan tiruannya itu ke dalam Bahasa Melayu di Semenanjung itu kerana dengan jalan yang demikianlah boleh bahasa kita luas, berharga dan molek. Kerana sesungguhnya keluasan bahasa-bahasa asing itupun kebanyakannya sememang mengambil bahasa-bahasa yang lain, selain daripada merekakan perkataan-perkataan baharu. Bahawasanya teladan-teladannya banyak ada di sisi bahasa Melayu kita sekarang

iaitu seperti perkataan-perkataan Inggeris “Onorabel” (HONOURABLE) dijadikan Melayunya “Yang Berhormat” oleh orang-orang Johor bila menyebutkan nama seorang ahli mesyuarat kerajaannya, seperti dikatakan Dato’ Yang Berhormat..... atau Encik..... dan “SECRETARY” dimelayukan “Setiausaha” dan akhbar “Pengasuh” Kelantan pula yang awal menggelarkan pengarang-pengarang dan penulis-penulis surat khabar “Wartawan” yang dipermelayukan daripada bahasa Inggeris JOURNALIST atau PRESSMAN. Di Pulau Sumatera (Indonesia) pula menggelarkan Dato’-Dato’ atau orang besar-besar ahli mesyuarat kerajaannya. “Dato’ Kerapatan” atau Encik atau Tuan “Kerapatan”. Mesyuarat dikatakan kerapatan dan bermesyuarat dikatakan “rapat”. Mengapakah mesyuarat dikatakan kerapatan? Ialah menurut bahasa Belanda “fahdering” ertinya berhimpun, kerana jika tidak berhimpun ramai menurut bilangan yang ditentukan tentulah tidak dapat berunding. Tidakkah sekarang telah banyak orang-orang Indonesia menggunakan perkataan-perkataan Yang Berhormat, wartawan dan lain-lain lagi yang diambil daripada Bahasa Melayu Semenanjung? Sebegitulah adat pergaulan dunia, ambil mengambil dan tiru meniru di antara bangsa-bangsa yang ramai.

Tidakkah saudara-saudara kita yang di Indonesia itu dari sejak ratus-ratus tahun (berkurun-kurun) dahulu sehingga pada hari ini lebih banyak memakai bahasa tua seperti Sanskrit (Hindu tua) daripada kita orang Melayu di Semenanjung ini memakainya? Salangkan nama Pulau Sumatera itupun asalnya datang daripada perkataan Hindu “Suma tera yaum” yang bererti permata yang molek dan juga bererti seorang puteri yang rupawan, kerana pada mula-mula orang-orang Hindu zaman dahulu berlayar dari India hendak ke gugusan pulau-pulau Melayu (Malay Archipelago atau Malaysia) yang termasuklah di dalam bilangan gugusan itu Sumatera atau Pulau Perca sebagaimana orang-orang Melayu menyebutnya itu mekar ternampaklah Pulau Sumatera atau Pulau Perca itu, amat

molek dari jauh seolah-olah sebutir permata, yang dimisalkan seorang puteri yang amat elok parasnya di Lautan India (Indian Ocean). Dengan keterangan ini diharapkan jangan apalah kiranya perkataan-perkataan atau bahasa lama atau tua itu disalahkan, dikatakan hodoh, lapuk atau sebagainya kerana tiada boleh disyakkan apa yang kita di Malaya dan saudara kita di Indonesia itu pakai dan gunakan sekarang ialah pusaka tua daripada nenek moyang kita dahulu itu yang dikatakan pada zaman punting berasab. Dipendekkan kata, kita sama seketurunan. tidak boleh bercerai dan juga kerana yang tua itu berfaedah kepada yang muda tatkala yang muda itu pula berguna pada yang tua.

Pada fikiran saya sementara kita memungut perkataan-perkataan bahasa asing atau menempah perkataan-perkataan baharu itu patutlah apa-apa perkataan Melayu yang sememang sedia ada di sisi kita sekarang dibetul dan ditentukan huruf-huruf penambahnya sama ada yang di hadapan dan yang di belakang tiap-tiap sepatah atau beberapa perkataan menurut tertibnya yang memberi pengertian yang dikehendaki dengan sempurnanya supaya jangan sampai kata orang: “Seperti menggesek rebab bertali sumbing, dan meniup seruni pula berbunyi gambang” maka oleh yang demikian hendaklah kita semua berhormat dan beringat bahawa kesalahan yang kecil atau sedikit itu acapkalilah menyebabkan kerosakan yang besar kerana pincang-pincang gajah dek sebatang duri di kakinya. Dan lagi menurut tertib susunan apa bahasa pun dan begitu jugalah bahasa Melayu, bahawa tiap-tiap sepatah perkataan itu tertentu nama huruf penambahnya di hadapan atau di belakangnya samalah seperti ditentukan tombak dan lembing berteter – beliung dan papil berperdah.

Harap perhati!

Di muka 31 baris pertama (dari bawah) ada tersebut :
“....(di Morocco) dan menteri “ yang sebenarnya : “ (Di Morocco) dan Kartabah (Cordova) di tanah Sepanyol. Pernah tersebut seorang menteri.....”

maju lebih jauh daripada kemajuan kita di dalam pendapatan ini iaitu kerana mereka telah memadankannya meliputi segala benda-benda beku (Al-Jamidat) dan benda-benda logam juga.”

Sekianlah bunyinya keterangan yang telah ditulis oleh pendeta “Drebar” dari sekolah tinggi New York itu.

Sekarang semak apa kata pendeta Perancis Dr “Gostap Lubun” di dalam bukunya “Tamadun Bangsa Arab” :

Orang-orang Arab di dalam masa mereka gemar kepada penyelidikan yang berupa teori (Al-Bahas An-Nazhirah), tidaklah mereka cuai daripada memadankan fahaman itu dengan secara amalan, sehingga cara yang demikian itu telah memberi faedah yang besar kepada segala perusahaan dan pertukangan mereka-mereka walaupun kita tidak begitu mengetahui dengan jelas akan cara-cara yang telah diikuti oleh mereka, tetapi kita mengetahui akan kesan-kesan yang terbit daripadanya. Umpamanya kita telah mengetahui bahawa mereka telah menggali lombong-lombong dan mengeluarkan daripadanya belerang, tembaga, raksa, besi, dan emas.

Mereka juga telah termasyhur pandainya di dalam perkara celup mencelup kain dan amat mahir pada menggilap besi, bahkan mereka di dalam berjenis-jenis kepandaian telah menunjukkan kemahiran yang tidak dapat dikalahkan oleh sesiapaupun sehingga hari ini,”

Lain pula kata “Gibbon” ahli sejarah Inggeris yang masyhur tatkala beliau menyebut “Kawalan-kawalan dan rakyat” (*Al-Himaiiah wara’yatiah*) yang telah ditunaikan oleh orang-orang Islam kepada ilmu-ilmu pengetahuan yang menjadi asas kemajuan dunia zaman sekarang :

“Adalah kesan usaha yang bersungguh-sungguh dari khalifah-khalifah (Raja-raja) Islam terhadap ilmu pengetahuan ialah tersiarnya ilmu-ilmu itu di dalam kawasan yang amat luas yang terletak di antara bandar-bandar “ Samarkand “ dan “Bukhara” sentak ke bandar-bandar “Fez” (di Morocco) dan


“Kortobah” (Cordova) di tanah Sepanyol. Pernah tersebut seorang menteri di dalam sebuah kerajaan Islam telah menderma dua ratus ribu dinar (wang emas) bagi mengasaskan sebuah kolej yang mengajar berbagai-bagai pengetahuan (kuliah ilmiah) di Baghdad serta diwakafkan kerananya pada tiap-tiap tahun sebanyak lima belas ribu dinar. Kolej yang tersebut mempunyai 6000 orang penuntut dan berdasar tidak beza membezai di antara anak-anak orang-orang kaya, dengan anak-anak orang-orang miskin. “

Sekianlah kedudukan agama Islam yang telah dibawa oleh junjungan kita Muhammad Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasalam iaitu agama kemajuan yang mewajibkan pemeluk-pemeluknya kepada merebut kemajuan di dalam segala lapangan hidup! Bahkan Islam telah membuktikan ajarannya dengan amalan seperti yang telah dikerjakan oleh umat-umat Islam kita-tinggi yang terdahulu, sehingga mereka telah berjaya mencapai setinggi-tinggi kemajuan dan mengasaskan tamadun dunia yang ada tersergam di hadapan kita pada hari ini.

Yang demikian maka tepatlah junjungan kita menjadi rahmat bagi seluruh alam, sebagaimana yang diisyaratkan oleh Allah Subhanahu wa Taala di dalam kitab sucinya al-Quran Al-Karim:

“*Wa ma arsalnaka al-rahmah li al-‘alamin*”

Sadaqallah halazzim.



Bekas kebesaran kerajaan Parsi masih dapat dilihat lagi sekarang. Gambar ini menunjukkan bekas kekuasaannya yang masih dapat dilihat di Iraq.